



KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

PROGRAM PEMBANGUNAN *INDUSTRIAL TREE PLANTATION* (ITP)

1. PENGENALAN

Program Bantuan Insentif Pembangunan Industrial Tree Plantation (ITP) merupakan inisiatif Kerajaan bagi menyokong pembangunan ladang hutan spesies cepat membesar untuk tujuan industri kayu. Geran padanan ini bertujuan menggalakkan pelaburan dalam penanaman hutan melalui mekanisme *Pay & Claim*.

Kriteria Permohonan ITP

BIL.	PERKARA	KRITERIA
1.	Pemohon	- Syarikat, Koperasi atau Agensi perlu mengusahakan ladang hutan dengan spesies cepat besar. - Pokok hendaklah berusia satu (1) hingga (3) tahun.
2.	Tanah	- Pajakan / Pemilikan adalah hanya bagi perniagaan berstatus <i>Sendirian Berhad</i> yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). - Bagi pertubuhan Koperasi, permohonan hanya dibenarkan sekiranya tanah projek dimiliki atau dipajak secara sah atas nama koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dan tempoh pajakan hendaklah merangkumi keseluruhan kitaran tanaman. - Spesies yang ditanam / dipohon hendaklah dinyatakan di dalam Perjanjian Pajakan atau syarat nyata Hakmilik Tanah atau diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. - Mempunyai tanah yang sesuai untuk perladangan hutan sama ada milik sendiri atau pajakan tidak kurang dari 20 tahun atau lebih dengan keluasan tanah 40 hektar dan ke atas.



BIL.	PERKARA	KRITERIA
		<u>Semenanjung Malaysia:</u> - Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hak milik Kerajaan atau milik persendirian dan kawasan yang telah diperuntukkan untuk ladang hutan (bagi Hutan Simpan Kekal, HSK). <u>Sarawak:</u> - Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hak milik Kerajaan atau milik persendirian dan dalam kawasan yang diberikan <i>License for Planted Forest</i> (LPF). <u>Sabah:</u> - Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hak milik Kerajaan atau milik persendirian dan hanya kawasan dibawah <i>Industrial Tree Planting</i> (ITP) bagi <i>Sustainable Forest Management Licence Agreement</i> (SFMLA).
3.	Rekod kewangan	Syarikat, Koperasi atau Agensi hendaklah mempunyai rekod kewangan yang baik; (berdasarkan penilaian oleh MTIB) terhadap laporan kewangan beraudit) - Laporan kewangan beraudit untuk 3 tahun terakhir; - Akaun pengurusan yang disahkan oleh akauntan berdaftar bagi syarikat/koperasi yang baru ditubuhkan; <i>Annual return</i> yang disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM); dan - Penyata bank untuk 3 bulan terakhir. <i>Cash Flow</i> syarikat / projek.



Syarat Permohonan ITP

BIL.	PERKARA	SYARAT
1.	Pemohon	- Syarikat, Koperasi atau Agensi perlu mengusahakan ladang hutan dengan spesies yang diluluskan di bawah ITP. - Pembiayaan ITP ini adalah bagi aktiviti pembangunan ladang sahaja dan bukan untuk lain-lain tujuan dan aktiviti. - Syarikat, koperasi atau agensi yang mempunyai hutang tertunggak dengan MTIB adalah tidak dibenarkan menyertai program ini. - Syarikat, Koperasi atau Agensi mestilah mempunyai perjanjian dengan <i>Buy-Back</i> (pengilang/pembeli bahan mentah). - Syarikat perlu berdaftar sebagai pedagang MTIB (Jika Perlu)
2.	Keperluan Teknikal	- Laporan <i>Environment Impact Assesment</i> (EIA) / <i>Environment Management Plan</i> (EMP) ke atas kawasan projek yang hendak dimajukan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa. - Laporan <i>Forest Plantation Management Plan</i> (FPMP) / <i>Bamboo Plantation Management Plan</i> (BPMP) ke atas kawasan projek perlu dimajukan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa. - Pemohon perlu mengemukakan peta digital bagi kawasan yang dipohon kawasan (<i>hardcopy</i>) dan peta digital dalam format <i>shapefile</i> (<i>softcopy</i>) yang disahkan. - Kawasan permohonan hendaklah di luar kawasan yang dizonkan sebagai Central Forest Spine (CFS) bagi Semenanjung Malaysia.
3.	Kadar pembiayaan	- Kaedah: <i>Pay and Claim</i> - Had tuntutan: 30% atau maksimum RM6,000 sehektar daripada jumlah kos pembangunan (yang mana lebih rendah)



BIL.	PERKARA	SYARAT
		• Pembiayaan ini adalah bagi membiayai kos pembangunan ladang iaitu bagi aktiviti pembersihan dan penyediaan kawasan, penanaman dan penyelenggaraan.